

Nilai U, UPM jalin kerjasama akademik

» Perjanjian bantu bangun program ijazah sarjana muda, Sarjana Pentadbiran Perniagaan

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitinurazlinee@bh.com.my

Nilai University (Nilai U) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) menjalin kerjasama dalam bidang akademik. Melalui MoU itu, kelayakan penganugerahan boleh dibuat oleh kedua-dua institusi terbabit.

Pelajar boleh menamatkan program Sarjana Pengurusan Pertanian di universiti sama atau melengkapkan modul tambahan di universiti lain sebagai sarjana kedua.

Nilai U akan menggunakan kepakaran Jabatan Bioteknologi dan Fakulti Perniagaan di samping kerjasama dengan pemegang sa-

hamnya, FELDA Global Ventures (FGV) Holdings Berhad untuk membangunkan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam program Tropical Plant Management.

Perjanjian itu juga membolehkan dua institusi pendidikan bekerjasama dalam pelbagai bidang membabitkan latihan amali, penyelidikan, pertukaran pelajar dan akademik.

MoU ditandatangani oleh Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan dan Naib Canselor Nilai U, Prof Datuk Dr Sothi Rachangan disaksikan Ahli Lembaga Nilai U dan Naib Presiden, Ketua Bahagian Kumpulan Strategi Korporat, FGV, Muhammad Hudhaifa Ahmad serta Dekan Sekolah Pengajian Siswazah, Prof Dr Bujang K Huat.

Kemuncak kerjasama

Sothi berkata, MoU yang ditandatangani itu adalah kemuncak kerjasama dengan UPM dan menekankan peranan penting yang dimainkan UPM menerusi Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan dalam membantu Nilai U membangunkan program ijazah sarjana muda dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan.



Mohd Fauzi (dua dari kiri) dan Sothi diiringi oleh Bujang (kiri) serta Muhammad Hudhaifa bertukar dokumen selepas menandatangani MoU sempena kolaborasi akademik di antara Nilai U dan UPM, semalam.

Sementara itu, Mohd Fauzi berharap MoU itu menggalakkan lebih banyak kerjasama antara institusi pendidikan awam dan swasta.

Aplikasi NBOS

“Kerjasama sebegini penting terutama dalam lapangan pembangunan penyelidikan, kami sentiasa bekerja mengikut Strategi

Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) malah melihatnya lebih daripada itu terutama dalam akademik” katanya.

Nilai U dimiliki Nilai Resources Group dan FGV. FELDA dan FGV melihat pembangunan dalam bidang pertanian kian mendapat permintaan dan kemudian membangunkan Diploma Pengurusan

Pertanian dan program ini turut dibuka kepada kakitangan FELDA dan ahli akademik. Untuk program MBA Pengurusan Peladangan Tropikal pula memberi tumpuan kepada keperluan FELDA.

Untuk maklumat lanjut boleh melayari laman web www.nilai.edu.my atau menelefon talian 06-8502308 / 07-2262336.